

**Chua: Koh sepatutnya utamakan EGM Gerakan  
Malaysiakini.com  
October 5, 2010**

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek hari ini meminta rakan sejawatannya daripada Gerakan, Tan Sri Koh Tsu Koon supaya memberi keutamaan kepada mesyuarat agung luar biasa (EGM) Gerakan Pulau Pinang pada Ahad ini.

Chua berkata Koh seharusnya berada di Pulau Pinang pada hari berkenaan dan bukannya menghadiri mesyuarat agung tahunan (AGM) MCA di Kuala Lumpur.

"Nasihat saya kepada beliau ialah, parti (Gerakan) memerlukan kebijaksanaan beliau untuk menyelesaikan isu berbanding dengan menghadiri AGM kami (MCA). Saya bukanlah cuba untuk bergurau atau menyinggung perasaan orang lain," katanya kepada pemberita di Kuala Lumpur hari ini.

Chua mengulas kenyataan Koh yang tidak akan menghadiri EGM Gerakan Pulau Pinang Ahad ini memandangkan beliau terlebih dahulu telah menyatakan kesediaannya untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan MCA pada hari yang sama.

Keputusan bekas ketua menteri Pulau Pinang itu untuk tidak menghadiri mesyuarat di Pulau Pinang kurang disenangi oleh beberapa pemimpin parti, termasuk bekas Presiden Tun Dr Lim Keng Yaik yang memutuskan untuk melepaskan jawatan sebagai penasihat parti itu semalam.

Keputusan luar jangkaan oleh Dr Lim itu telah menjejaskan parti, memaksa Koh supaya mengadakan mesyuarat tergepar Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) malam ini di ibu pejabat parti berkenaan untuk membincangkan perkara itu.

EGM Gerakan Pulau Pinang diadakan oleh sekumpulan anggota parti yang menggelarkan diri mereka 'Suara Akar Umbi' dalam usaha mendesak usul tidak percaya terhadap Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Datuk Dr Teng Hock Nam.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/144449>